



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 7 FEBRUARI 2020

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PULAU PINANG KENAKAN BAYARAN PINDAH HAIWAN, NASIONAL, BH -42	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
2.	350 DRAGON FRUIT CUTTINGS SEIZED AT KLIA2 ENTRANCE, NEWS, NST -12	JABATAN PERKHIDMATAN KUARAN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	MYAPEC2020: TINGKAT TEKNOLOGI, PACU INDUSTRI AGROPELANCONGAN BESTARI JAYA, ASTRO AWANI -ONLINE	LAIN-LAIN
4.	JOHOR SASAR BIO-DESARU MENJADI PELAPOR PEMBANGUNAN PERTANIAN, BH -ONLINE	
5.	KERAJAAN KEDAH RANGKA PELAN KONTINGensi HADAPI KEMUNGKINAN KEMARAU BERLANJUTAN-EXCO, ASTRO AWANI -ONLINE	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Pulau Pinang kenakan bayaran pindah haiwan

Caj minimum adil kepada penternak kecil, komersial mula 1 April

2008 mengandungi caj perkhidmatan dikenakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar ke atas SKV dan Akuan Kebenaran Pindah Keluar/Masuk (AKPK/AKPM). Bagaimanapun, kutipan pengeluaran SKV dan AKPK/AKPM tidak dilaksanakan sehingga kali ini.

“Kerajaan Pulau Pinang ber-setuju melaksanakan caj bagi SKV dan permit pemindahan mengikut warta itu ber nulla, 1 April ini. Kita lihat kepada keadaan semasa untuk lebih adil, tertama dalam kalangan penternak kecil yang membayar sama harga dengan penternak komersial,” katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, caj bayaran kadar minimum antara RM4 hingga RM35 seekor/konsimen itu dikenakan mengikut jenis haiwan, termasuk kucing, anjing, kuda, lembu/kerbau, kambing/biri-biri/rusa, babi, unggas komersial, bahar basilan haiwan, kuda/unta, haiwan lain dan hasilan haita,

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan Negeri, Dr Afif Bahardin, berkata pelaksanaan kadar bayaran minimum itu bagi memberi kesan ekonomi sana rata kepada penternak kecil dan komersial. “Warta Kerajaan Pulau Pinang bernombor 254 bertarikh 5 Jun

“Enakmen · dan peraturan ini diperkenalkan bagi mengawal aktiviti ternakan babi, terutama aspek kebersihan dan kesihatan kerana sudah lama menyumbang kepada pencemaran, terutamanya air.

“Sistem Perniagaan Babi moden mengikut Seksyen 3 Enakmen Perniagaan Babi Negeri Pulau Pinang 2016 menggariskan setiap penternak babi perlu meningkat taraf kepada sistem kandang babi tertutup, mengamalkan sistem kumbahan sirar, zon penampungan dan amalan ladang ternakan yang baik (GAHP),” katanya.

Beliau berkata, penternak babi perlu memohon lesen penternakan enam bulan bermula pada tarikh peraturan itu dikuatkuasakan melalui Bahagian Regulator Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang dan hanya penternak babi yang mempunyai kelulusan kebenaran merancang akan dipertimbangkan kelulusan pelepasan itu.

BERNAMA



Dr Afif Bahardin

wan serta karkas.

Beliau berkata, penternak tiada sijil AKPK/AKPM dan SKV dikemaskan tindakan mengikut Seksyen 36 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006).

Sementara itu, Dr Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, berkata Peraturan-peraturan Pelepasan Babi (Pulau Pinang) 2020 mengikut Enakmen Perniagaan Babi Negeri Pulau Pinang 2016 berkuasa pada 1 Mac ini.

350 dragon fruit cuttings seized at klia2 entrance

KUALA LUMPUR: The Malaysian Department of Quarantine and Inspection Services (Maqis) and the Customs Department foiled an attempt to smuggle in 350 Pitaya (dragon fruit) cuttings from Thailand on Wednesday. The fruit cuttings were seized at the entrance of Kuala Lumpur International Airport 2 (klia2) at 6pm. Selangor Maqis director, Dr Tarmisal Alimin, said the goods were imported without a valid permit issued by Maqis or phytosanitary certification from the country of origin. “Importing Pitaya fruit cuttings without a valid permit from Maqis is a violation of Section 11 (1) of the Quarantine and Inspection Services Act 2011. If convicted, one could be fined up to RM100,000 or a maximum jail term of six years, or both.”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/2/2020	ASTRO AWANI	ONLINE	

#MyAPEC2020: Tingkat teknologi, pacu industri Agropelancongan Bestari Jaya

Selaku tuan rumah kerjasama ekonomi Asia Pasifik (APEC) tahun ini, Malaysia perlu mengambil peluang dalam menimba pengalaman dan perkongsian teknologi pertanian. Ia bukan sahaja akan meningkatkan jaminan keselamatan makanan atau food security di negara ini, malah membuka peluang Agropelancongan yang lebih luas seperti di Selangor Fruits Valley.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/2/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

Johor sasar Bio-Desaru menjadi pelopor pembangunan pertanian



sekali gus memberi keuntungan semula kepada kerajaan.

KOTA TINGGI: Kerajaan negeri menyasarkan projek pembangunan Bio-Desaru: Lembah Makanan Organik Johor menjadi pelopor pembangunan pertanian

Selain itu, kerajaan negeri juga komited menjadi pengeluar makanan utama negeri seiring dengan Gagasan Revolusi Hijau menerusi Belanjawan Negeri 2020.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Johor, Tosrin Jarvanthi, berkata pembabitan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dalam sektor pertanian, penternakan dan perikanan dijangka menepati sasaran,

Katanya, selaku anak syarikat kumpulan Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor (J-Biotech), Bio Desaru Sdn Bhd bertanggungjawab membangunkan projek berkenaan dengan sasaran utama dalam sektor pembangunan hab makanan di daerah Kota Tinggi.

“Bio-Desaru: Lembah Makanan Organik Johor yang dibangunkan sejak tahun 2010 adalah komitmen kerajaan negeri menangani isu keselamatan makanan menerusi penghasilan makanan selamat dan berkualiti, selain pelengkap kepada ekosistem rantaian makanan negara.

“Sehingga kini, pembangunan projek berkeluasan 3,642.17 hektar sudah menempatkan lebih 30 pelabur dengan anggaran nilai pelaburan mencecah RM1.8 bilion menjelang suku tahun pertama 2020.

“Projek ini dijangka dapat meningkatkan ekonomi negeri di samping mewujudkan peluang pekerjaan dan pembangunan ekonomi penduduk setempat,” katanya ketika ditemui pada lawatan kerja di ladang penternakan Desaru Hatchery Asia Aquaculture di sini, hari ini.

Pada lawatan itu, beliau turut mengambil kira mengenai pembangunan prasarana iaitu jalan yang menghubungkan setiap projek terbabit dalam usaha memberi keselesaan kepada pelancong yang mengunjungi dan pengusaha yang menguruskan kawasan berkenaan.

“Bio Desaru sudah diminta mengemukakan satu kertas cadangan mengenai pembangunan keseluruhan projek berkenaan termasuk cadangan projek baharu, bagi tempoh enam bulan.

“Cadangan itu akan dinilai semula daripada segi prestasi pengurusan dan melihat sejauh mana kemampuannya untuk melaksanakan projek yang memberi manfaat terhadap pengeluaran makanan dalam negeri dan destinasi pelancongan kelak,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/2/2020	ASTRO AWANI	ONLINE	

Kerajaan Kedah rangka pelan kontigensi hadapi kemungkinan kemarau berlanjutan – Exco



Zamri (kanan) berkata persiapan awal perlu dirangka bagi memastikan bekalan air untuk sektor pertanian dapat diteruskan walaupun sumber air semakin terhad.

SIK: Kerajaan negeri Kedah sedang merangka pelan kontigensi khusus bagi menghadapi kemungkinan musim kemarau berlanjutan, jika masih tiada hujan di kawasan tадahan air di negeri ini sehingga April.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Bekalan Air dan Sumber Air dan Tenaga negeri, Datuk Zamri Yusuf berkata persiapan awal perlu dirangka bagi memastikan bekalan air untuk sektor pertanian dapat diteruskan walaupun sumber air semakin terhad.

"Untuk kegunaan domestik masih cukup, sejak 1 Jan kita sudah lepaskan air untuk kegunaan semua loji dari Jeniang ke Pinang Tunggal, termasuk loji yang bekalkan air untuk Pulau Pinang kerana sebanyak 82 peratus penggunaan (air) di Pulau Pinang dibekalkan melalui sumber ini.

"Kerajaan negeri juga telah ambil beberapa langkah untuk meningkatkan paras air di empangan antaranya melakukan pembenihan hujan, namun nampaknya usaha itu kurang berhasil," katanya kepada Bernama dan RTM selepas mengadakan lawatan ke Tasik Beris di sini pada Khamis.

Beliau berkata proses pembenihan awan kurang sesuai dilakukan di Kedah pada masa ini merandangkan keadaan musim panas di negeri ini sangat kering dan cerah, tiada awan yang tersedia untuk hujan.

Zamri berkata pihaknya juga sudah membuat anggaran kerugian jika bekalan air tidak mencukupi untuk sektor pertanian terutama untuk tanaman padi bagi musim hadapan yang akan bermula April ini dan berharap dapat meminimumkan jumlah kerugian dengan pengurusan air yang berhemah.

"Tiada lagi jumlah kerugian yang tepat jika kita tidak dapat melaksanakan keseluruhan tanaman padi musim akan datang, mungkin kita masih boleh lepaskan air untuk kawasan pertanian tertentu dan jumlah kerugian dapat dikurangkan," katanya.

Beliau berkata berdasarkan tinjauannya, akibat ketiadaan hujan di kawasan tадahan air sejak Oktober tahun lalu, paras air di empangan tidak menunjukkan peningkatan walaupun satu milimeter padu.

"Kita masih lepaskan air untuk kegunaan domestik dan pertanian, tapi kita berharap untuk sektor pertanian ia dapat digunakan secara optimum dan 'tidak mewah' seperti sebelum ini," katanya.